

## PELANTIKAN MUFTI WANITA DI MALAYSIA: ANALISIS PANDANGAN JABATAN MUFTI

### THE APPOINTMENT OF FEMALE MUFTI IN MALAYSIA: AN ANALYSIS ON THE VIEWS OF FATWA MEMBERS

Irwan Mohd Subri<sup>i</sup>, Ahmad Wifaq Mokhtar<sup>ii</sup>, Azman Ab Rahman<sup>iii</sup>, Hishomudin Ahmad<sup>iv</sup> &  
Norzulaili Mohd Ghazali<sup>v</sup> & Nur Fatin Halil<sup>vi</sup>

<sup>i</sup> Professor Madya Dr. Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD).

[irwan@usim.edu.my](mailto:irwan@usim.edu.my)

<sup>ii</sup> Profesor Madya Dr. Timbalan Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD).

[wifaq@usim.edu.my](mailto:wifaq@usim.edu.my)

<sup>iii</sup> Profesor Madya Dr, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

[azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

<sup>iv</sup> Dr. Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

[hishomudin@usim.edu.my](mailto:hishomudin@usim.edu.my)

<sup>v</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

[norzulaili@usim.edu.my](mailto:norzulaili@usim.edu.my)

<sup>vi</sup> Pelajar Sarjana Syariah, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

[fatinhalil@yahoo.com](mailto:fatinhalil@yahoo.com)

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Pelantikan mufti daripada kalangan wanita merupakan satu isu yang baru. Sepanjang sejarah institusi fatwa di Malaysia, belum pernah wanita dilantik menjadi mufti sedangkan tiada larangan yang jelas sama ada dalam hukum syarak dan undang-undang Malaysia yang menyatakan bahawa wanita tidak boleh dilantik sebagai mufti. Artikel ini bertujuan untuk menganalisa pandangan beberapa jabatan mufti berkenaan pelantikan mufti di Malaysia daripada kalangan wanita. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dengan melaksanakan kaedah temubual secara kumpulan fokus terhadap 4 orang utama di jabatan mufti iaitu seorang mufti, dua orang timbalan mufti dan seorang pegawai di jabatan mufti. Pandangan mereka terhadap terhadap isu pelantikan mufti wanita di Malaysia juga diperolehi secara bertulis.</i></p>	<p><i>The appointment of a mufti amongst the women is a new issue to be discussed. Throughout the history of the institution of fatwa in Malaysia, woman has never been appointed as mufti even though there is no prohibition either in Islamic law and the laws of Malaysia which states that women cannot be appointed as mufti. This article aims to seek the views of fatwa members on the appointment of female mufti. This study is a form of qualitative study by conducting focus group interviews method on 4 persons from fatwa members namely a mufti, two deputy muftis and an officer in mufti department. Their views on the appointment of female mufti in Malaysia also obtained in form of written comments. The results from the analysis of fatwa members' views found that women can become a mufti but the job scopes</i></p>

<p>Hasil analisis pandangan pakar melalui temubual dan secara bertulis mendapati bahawa wanita boleh menjadi mufti namun bidang tugas seorang mufti perlu didefinisikan dengan lebih lanjut dan disesuaikan dengan kelayakan seorang wanita dari sudut syarak. Pelantikan mufti wanita juga perlu mengambil kira uruf dan adat di Malaysia. Justeru, penulis membuat kesimpulan bahawa satu model bidang kuasa mufti wanita perlu dibina dengan pengubahsuaian bidang kuasa mufti yang sedia ada sekiranya wanita dilantik menjadi mufti pada masa akan datang.</p> <p>Kata kunci: Mufti, wanita, analisis, jabatan, mufti.</p>	<p>of a mufti should be defined further and adapted to the feasibility of a woman from the point of Islamic law. The appointment of female mufti also need to consider 'uruf or custom in Malaysia. Thus, the authors concluded that a model of female mufti's job scopes should be construct with modification from existing mufti's jobscope if woman be appointed as a mufti in the future.</p> <p>Keywords: Mufti, female, analysis, department of mufti.</p>
---	---

**Penghargaan:** Artikel ini adalah dapatan kajian penyelidikan FRGS yang bertajuk "Model Bidang Kuasa Dan Peranan Mufti Wanita Di Malaysia". Kod: FRGS/2/2014/SS103/USIM/02/3.

## PENDAHULUAN

Dalam pentadbiran Islam, mufti merupakan satu jawatan tertinggi dan dihormati. Mufti menjadi rujukan umat Islam dan seolah-olah menduduki tempat Rasulullah S.A.W selepas kewafatan baginda (al-Shatibiyy, 2003). Mufti berperanan sebagai mereka yang mengkhabarkan atau memberitahu hukum-hukum Allah S.W.T kerana pengetahuan mereka yang mendalam terhadap dalil-dalil syarak (Ibnu Hamdan,1380H).

Oleh kerana pentingnya peranan mufti, maka mufti yang dilantik perlu memenuhi kelayakan yang ditetapkan syarak. Syarat asasi untuk menjadi mufti adalah seorang Muslim yang *mukallaf*, *thiqah* (dipercayai), bersih daripada sebab-sebab yang boleh menjadikannya *fasiq* (banyak melakukan dosa) dan menjatuhkan maruah, *faqih*, memiliki minda yang kukuh, pemikiran yang sedar, bertindak dengan betul, benar dalam mengeluarkan hukum, sentiasa berhati-hati; tidak kira sama ada mufti itu seorang yang merdeka atau hamba, wanita, orang buta atau orang bisu sekiranya boleh difahami tulisan dan isyaratnya (al-Nawawiyy, 1997).

Bidang fatwa adalah lebih luas cakupannya daripada kehakiman dan *syahadah* (penyaksian). Maka harus hukumnya untuk mengeluarkan fatwa bagi hamba dan orang yang merdeka, lelaki dan wanita (Ibnu al-Qayyim, 1991).

Nadiyah Al-Umariyy (1981) berpendapat, pandangan yang *rajih* (kuat) adalah; lelaki tidak menjadi satu daripada syarat atau kriteria untuk berfatwa kerana para sahabat menjadikan Aishah RA dan *ummahat a-mu'minin* yang lain sebagai rujukan dalam fatwa. Para sahabat juga beramal dengan fatwa mereka.

Wanita dibenarkan untuk berfatwa menurut ijmak ulama kerana mengeluarkan fatwa bukanlah suatu bentuk *wilayah 'ammah* (kekuasaan atau

kepimpinan tertinggi). Malah, tiada halangan jika mufti itu adalah seorang hamba perempuan yang hitam lagi bisu, dengan syarat dia mampu menerangkan hukum syarak dengan apa yang difahami oleh *mustaftiyy* (orang yang meminta fatwa) (Muhammad Khayrat, 1975).

Berkenaan syarat untuk menjadi mufti, Muhammad Sulayman ‘Abdullah al-Ashqar (1976) mengatakan bahawa dalam kitabnya *al-Futya wa Manahij al-Ifta’*, kebanyakan ulama meletakkan syarat-syarat mufti iaitu Islam, *mukallaf*, adil, *ijtihad* dan mempunyai kemahiran dan bakat.

Di Malaysia, lantikan mufti adalah melalui Sultan atau Yang Di-Pertuan Agong sebagaimana yang termaktub dalam Enakmen Fatwa dan Mufti bagi pentadbiran Islam di setiap negeri di Malaysia. Mufti berperanan membantu dan menasihati Sultan atau Yang Di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak sama ada melalui perintah Sultan atau Yang Di-Pertuan Agong, atas kehendak sendiri atau atas permintaan mana-mana melalui surat yang ditujukan kepada Mufti (Hasnan Kasan & Jasri Jamal 2003). Secara umumnya, enakmen tersebut menyatakan bahawa Sultan atau Yang Di-Pertuan negeri boleh melantik sesiapa sahaja yang sesuai (tidak kira lelaki atau wanita) untuk menjadi mufti. Sebagai contoh, Seksyen 44, Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti dalam Enakmen Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 mencatatkan, “*Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Selangor*”.

Peruntukan ini jelas menunjukkan seseorang yang difikirkan layak dan sesuai akan dilantik menjadi mufti. Namun, kelayakan mufti tidak dijelaskan dengan lebih lanjut apabila dinyatakan “layak dan sesuai sahaja”. Berdasarkan praktikal, mufti yang dilantik mempunyai kelayakan akademik seperti mempunyai kelulusan daripada universiti-universiti di Timur Tengah sama ada di tahap Sarjana Muda atau Sarjana malah terdapat mufti hari ini yang memegang ijazah Doktor Falsafah.

Oleh itu, dapat difahami bahawa syarat gender (jantina) iaitu lelaki tidak menjadi satu keperluan untuk menjadi mufti jika dilihat berdasarkan syarat dan kelayakan untuk menjadi mufti secara umum iaitu yang berperanan dalam mengeluarkan fatwa dan menjelaskan hukum. Namun, dalam isu wanita memegang jawatan mufti secara rasmi khususnya di Malaysia, ia merupakan isu yang berbeza.

Jawatan mufti rasmi yang dilantik oleh pemerintah bermula pada awal zaman tabiin iaitu pada zaman pemerintahan ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz yang memerintah daripada tahun 96 hingga 101 Hijrah (Othman Ishak, 1981). Dalam sejarah Islam, wanita hanya menjadi mufti dalam erti kata mengeluarkan fatwa dan memberi penjelasan terhadap hukum-hakam, bukan dilantik sebagai mufti rasmi negara. Menurut Umaymah Abu Bakr dan Huda al-Sa‘diy (2001), ramai para sahabiyyat dan tabiin wanita yang menjadi mufti pada kurun pertama Islam kerana mufti bukan suatu jawatan rasmi dalam pentadbiran Islam tetapi suatu amalan bebas dan terbuka untuk sesiapa sahaja yang memenuhi syarat untuk

berfatwa. Namun selepas mufti menjadi jawatan rasmi, mufti banyak terikat dengan urusan kehakiman dalam negara dan akhirnya peranan wanita sebagai mufti semakin berkurangan sedikit demi sedikit sehingga hilang sepenuhnya pada kurun kesepuluh Hijrah. Antara contoh mufti wanita dalam sejarah adalah Sayyidatina ‘A’ishah RA yang tersenarai dalam kalangan “*al-mukathhirun*” iaitu yang paling banyak mengeluarkan fatwa (Ibnu al-Qayyim, 1991).

Pelantikan mufti secara rasmi daripada kalangan wanita juga belum pernah berlaku dalam sejarah institusi kefatwaan di Malaysia. Berdasarkan rekod terawal sejak tahun 1860 hingga sekarang, mufti-mufti yang dilantik bagi semua negeri-negeri di Malaysia adalah lelaki (Raihanah Abdullah, 2003). Justeru, kertas kerja ini akan membentangkan daripada pandangan beberapa jabatan mufti berkenaan pelantikan mufti daripada kalangan wanita di Malaysia.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi pengumpulan data kajian yang dilaksanakan adalah melalui kaedah temubual. Temubual dalam penyelidikan kualitatif terbahagi kepada dua bahagian, iaitu temubual mendalam dan temu bual kumpulan fokus (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Kaedah temu bual yang dipilih bagi kajian ini adalah temu bual kumpulan fokus atau dikenali sebagai *Focus Group Discussion* (FGD).

Melalui kaedah ini, penyelidik memilih sekumpulan orang yang mempunyai ciri tertentu untuk mengadakan sesi perbincangan. Ciri yang diperlukan adalah mereka yang terlibat secara langsung dengan institusi kefatwaan dan ahli kumpulan yang sesuai untuk kajian ini adalah mereka yang terlibat di jabatan mufti. Seorang fasilitator (pemudah cara) telah dilantik untuk menentukan hala tuju perbincangan. Apa-apa yang dikatakan oleh ahli kumpulan merupakan data penting dalam FGD dan kaedah ini memberi peluang untuk berkongsi dan membuat perbandingan tentang pengalaman dan pandangan peserta serta memberi peluang untuk berbual-bual tentang perkara yang terjadi dalam dunia sebenar (Kamarul Azmi Jasmi, 2012).

Jumlah ahli kumpulan yang disarankan dalam FGD kebiasaannya seramai 6 hingga 10 orang (MacIntosh, 1993). Namun, sesetengah penyelidik menemu bual sehingga 15 orang dalam satu kumpulan (Goss & Leinbach, 1996) dan sesetengah yang lain hanya menemubual 4 orang (Kitzinger, 1995).

FGD digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan pandangan berkenaan pelantikan wanita sebagai mufti daripada ahli kumpulan fokus yang terdiri daripada 4 orang utama di jabatan mufti iaitu seorang mufti, 2 orang timbalan mufti dan seorang pegawai di jabatan mufti. Mereka adalah Sahibus Samahah Dato’ Setia Hj. Mohd Tamyas bin Abd Wahid iaitu Mufti Negeri Selangor, Tuan Nor Azamir bin Alias iaitu Timbalan Mufti Negeri Sembilan, Tuan Che Mat bin Che Deraman iaitu Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan dan Tuan Mohd Ali bin Zainal iaitu Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Fatwa dan Buhuth dari Jabatan Mufti Melaka.

Kaedah temu bual yang dijalankan adalah tidak berstruktur di mana ia tidak berpandukan kepada skrip, lebih fleksibel dan meluas untuk mendapatkan pandangan lebih mendalam daripada mereka tentang pelantikan mufti dari kalangan wanita, kesesuaian wanita menjadi mufti dan bidang-bidang tugas seorang mufti.

Perkara pertama yang dilakukan sebelum sesi temu bual dilaksanakan adalah mendefinisikan masalah. Ahli kumpulan iaitu ahli-ahli di jabatan mufti diminta memberikan pandangan terlebih dahulu adakah mereka bersetuju ataupun tidak bersetuju sekiranya wanita menjadi mufti. Seterusnya, temu bual berkisar tentang isu kesesuaian wanita menjadi mufti dan apakah bidang tugas seorang mufti wanita di Malaysia.

Untuk memastikan ketepatan data yang diperolehi dari temu bual, teknik semak silangan atau triangulasi data dilaksanakan. Triangulasi ialah kombinasi beragam sumber data, tenaga pengkaji, teori dan teknik metodologi dalam suatu pengkajian atas gejala sosial (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Triangulasi diperlukan kerana setiap teknik memiliki keunggulan dan kelemahannya sendiri. Dalam sesebuah kajian kualitatif, lebih banyak data ditriangulasikan maka lebih tinggi ketepatan fakta dan kesahannya (Kamarul Azmi Jasmi, 2012).

Triangulasi data pula, menurut Denzin (1978), ialah penggunaan beragam sumber data dalam suatu pengkajian. Dalam konteks kajian ini, hasil temu bual dengan pakar syariah disemak silang atau ditriangulasi dengan komentar yang ditulis oleh mereka selepas sesi temu bual tersebut.

## DAPATAN KAJIAN

Temu bual dilaksanakan dengan mengajukan soalan kepada ahli kumpulan fokus berkenaan kesesuaian wanita dilantik menjadi mufti dan bidang kuasa seorang mufti. Berikut adalah hasil temu bual bagi setiap ahli kumpulan:

### **Sahibus Samahah Dato' Setia Hj. Mohd Tamyas bin Abd Wahid (Mufti Negeri Selangor):**

- i. Beliau sebagai seorang yang mempunyai pengalaman sebagai mufti berpendapat bahawa tugas mufti amat berkait rapat dengan urusan keistanaan khususnya yang melibatkan urusan keagamaan seperti menjadi imam bagi solat yang dihadiri oleh sultan, menjadi wakil untuk menikahkan Sultan, Raja Muda serta kerabat diraja yang lain dan menguruskan istiadat kemangkatan Diraja seperti pengurusan jenazah dan lain-lain.
- ii. Mufti juga menjadi penasihat agama bagi sultan dan adakalanya dipanggil untuk berbincang secara empat mata bersama sultan. Sekiranya mufti seorang wanita, akan timbul fitnah dalam keadaan tersebut.
- iii. Mufti juga akan menjadi pengiring sultan ke luar negara dan ke mana sahaja kerana diperlukan sebagai penasihat agama. Perlu dilihat semula hukum wanita bermusafir tanpa mahram dalam masalah ini.

- iv. Keharusan melantik wanita sebagai mufti wujud. Tetapi perlu dipertimbangkan kerana mungkin terdapat perbezaan situasi antara negeri.
- v. Wanita kurang sesuai menjadi mufti kerana Sultan merasakan mufti sinonim dengan lelaki. Wanita boleh diberi peluang untuk menjadi timbalan mufti namun sekiranya dilantik, adalah lebih sesuai di jawatan timbalan kedua.

**Tuan Nor Azamir bin Alias (Timbalan Mufti Negeri Sembilan):**

- i. Beliau berpandangan bahawa mufti perlu selalu muncul di hadapan terutamanya di majlis-majlis rasmi dan upacara ibadat. Jadi secara adabnya, jika mufti seorang wanita akan mendedahkan kepada fitnah.
- ii. Di Negeri Sembilan, mufti dikenali sebagai Raja Ibadat.
- iii. Secara asasnya, wanita boleh menjadi mufti. Tetapi secara realitinya, akan berlaku pelbagai masalah dalam pelaksanaan. Sebagai contoh, terdapat banyak mesyuarat jawatankuasa fatwa diadakan pada waktu malam yang mana ia tidak sesuai bagi kaum wanita untuk meninggalkan rumah pada waktu malam. Berdasarkan pengalaman, terdapat juga kekangan dalam pelaksanaan untuk bidang tugas pentadbiran. Mufti perlu masuk mesyuarat tertinggi dan wanita tidak sesuai berada di pos tertinggi.
- iv. Mufti Negeri Sembilan adalah ketua jilsah atau pengerusi bagi tareqat-tareqat sufiah. Maka, tidak sesuai sekiranya mufti wanita memegang tugas ini.

**Tuan Che Mat bin Che Deraman (Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan):**

- i. Beliau berpendapat, melalui sudut pandangan hukum, isu pelantikan mufti wanita masih dalam khilaf ulama.
- ii. Namun begitu, pelantikan mufti wanita adalah menyalahi sudut keperluan, adat dan <sup>u</sup>uruf.
- iii. Di Wilayah Persekutuan, terdapat jawatan penolong mufti yang dipegang oleh seorang wanita. Tetapi bidang kuasanya hanyalah tertakluk kepada bidang kuasa ilmiah.

**Mohd Ali bin Zainal (Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Fatwa dan Buhuth Jab. Mufti Melaka):**

- i. Di Melaka, telah ada wanita yang dilantik menjadi hakim syarie dan penasihat agama Ketua Menteri. Tetapi untuk jawatan mufti, belum ada cadangan bagi wanita memegang jawatan ini.
- ii. Wanita hanya boleh terlibat dalam kefatwaan, tetapi bukan bagi bidang kuasa Mufti.
- iii. Wanita juga boleh dilantik sebagai timbalan mufti tetapi hanya terlibat dalam bidang kuasa fatwa.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, keempat-empat ahli kumpulan temu bual bersetuju bahawa wanita boleh berfatwa tetapi rata-rata berpendapat bahawa secara realitinya pelantikan sebagai mufti rasmi perlu mengambil kira

beberapa perkara iaitu bidang tugas yang dilaksanakan oleh seorang mufti serta ʿuruf atau adat di Malaysia. Bidang kuasa atau tugas seorang mufti banyak berkait rapat dalam urusan keistanaan dan mufti perlu menjadi ketua dalam upacara agama seperti menjadi imam solat yang dihadiri sultan. Oleh itu, terdapat halangan dalam pelaksanaan pelantikan wanita sebagai mufti kerana terdapat bidang tugas mufti yang tidak boleh dilakukan oleh seorang wanita.

### **PERBINCANGAN**

Untuk mengesahkan data daripada temu bual yang diperolehi, komentar daripada setiap ahli kumpulan diambil secara bertulis dan dibandingkan dengan data temu bual. Berikut adalah dapatan komentar bertulis setiap ahli kumpulan temu bual:

#### **Sahibus Samahah Dato' Setia Hj. Mohd Tamyas bin Abd Wahid (Mufti Negeri Selangor):**

- i. Apabila mufti wanita dilantik secara siasah oleh kerajaan negeri setelah mendapat perkenan oleh DYMM Sultan, maka tiada sebarang halangan yang akan berlaku.
- ii. Tetapi pada syaraknya masih ada halangan-halangan yang menyebabkan wanita tidak boleh dilantik sebagai mufti. Menurut ʿuruf dan amalan semasa, khasnya hubungan mufti dengan pihak istana dalam urusan keagamaan.

#### **Tuan Nor Azamir bin Alias (Timbalan Mufti Negeri Sembilan):**

- i. Perlu kepada kajian lanjutan untuk tujuan pendetailan sekiranya berlaku sungguh pelantikan mufti daripada kalangan wanita.

#### **Tuan Che Mat bin Che Deraman (Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan):**

- i. Cadangan kajian adalah satu langkah yang baik untuk mendapat satu pandangan hukum.
- ii. Pandangan-pandangan tersebut juga perlu diambil kira dari sudut ʿuruf dan waqīʿ (realiti) semasa.

#### **Mohd Ali bin Zainal (Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Fatwa dan Buhuth Jab. Mufti Melaka):**

- i. Secara ringkasnya, pelantikan mufti wanita di Malaysia boleh diterima. Walau bagaimanapun, bidang kuasa dan peranan perlu ditambah baik dengan mengambil kira *waqīʿ* (realiti) yang berlaku di setiap negeri dan konteks siyasah syariyyah.

Komentar bertulis daripada keempat-empat ahli kumpulan temu bual konsisten dengan hasil temu bual yang telah dilaksanakan dan didapati bahawa mereka bersetuju bahawa wanita boleh berfatwa namun untuk cadangan pelantikan mufti rasmi daripada kalangan wanita, para ahli kumpulan temu bual cenderung untuk tidak bersetuju.

Pelantikan wanita sebagai mufti yang rasmi perlu dinilai semula dan kajian lanjutan perlu dilakukan untuk mengkaji bidang tugas yang sesuai dan tidak

sesuai untuk dilaksanakan oleh seorang mufti wanita. Cadangan untuk melantik mufti wanita juga perlu mengambil kira *‘uruf*, adat dan *waqī‘* (realiti semasa) di Malaysia. Sebarang halangan untuk mufti wanita dalam melaksanakan tugasnya perlu diatasi jika benar-benar wanita dilantik sebagai mufti.

Penyelidik juga mencadangkan agar satu model bidang kuasa bagi mufti wanita dibina agar wanita dapat melaksanakan tugas-tugas seorang mufti mengikut kemampuan dan kesesuaian yang dibenarkan syarak. Sekiranya mufti wanita dilantik pada masa hadapan, model ini dapat menjadi rujukan untuk beliau melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya.

## **PENUTUP**

Kesimpulannya, berdasarkan analisis pandangan mufti dan anggota di jabatan mufti, hasil kajian menunjukkan bahawa wanita boleh berfatwa dan menjadi mufti namun dari sudut pelaksanaan untuk melantik wanita sebagai mufti rasmi di Malaysia, ia perlu dinilai semula dan bidang tugas seorang mufti perlu didefinisikan dengan lebih lanjut. Pelantikan mufti wanita ini juga perlu mengambil kira realiti semasa di Malaysia.



## RUJUKAN

### Buku

- al-Shatibiyy, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Lakhamiyy. 2003. *Al-Muwafaqat*. Dar Ibnu al-Qayyim.
- Ibnu Hamdan, Ahmad bin Hamdan al-Harraniyy al-Hanbaliyy. 1380H. *Sifat al-Fatwa wa al-Muftiyy wa al-Mustaftiyy*. Damsyik: Manshurat al-Maktab al-Islamiyy.
- al-Nawawiyy, Abu Zakariyya Muhy al-Din Yahya bin Sharaf. 1997. *Adab al-Fatwa wa al-Muftiyy wa al-Mustaftiyy: Muqaddimat al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu al-Qayyim al-Jawziyy. 1991. *Ilam al-Muwaqqi'in 'An Rabb al-'Alamin*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Nadiyah al-'Umariyy. 1981. *al-Ijtihad Fi al-Islam*. Kaherah: Mu'assasat al-Risalah.
- Muhammad Khayrat. 1975. *Markaz al-Mar'ah Fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Muhammad Sulayman 'Abdullah al-Ashqar. 1976. *al-Futya wa Manahij al-Ifta'*. Kuwait: Maktabah al-Manar al-Islamiyyah.
- Othman Haji Ishak. 1981. *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Umaymah Abu Bakr & Huda al-Sa'adiy. 2001. *al-Mar'ah wa al-Hayah al-Diniyyah Fi al-'Usur al-Wusta Bayna al-Islam wa al-Gharb*. Kaherah: Mu'assasat al-Mar'ah wa al-Zakirah.
- Denzin, NK. 1978. *The Research Act: A Theoretical Introduction in Sociological Methods*. McGraw-Hills: New York.

### Jurnal

- Hasnan Kasan. 2010. *Institusi Fatwa Dalam Perundangan Negara: Satu Penilaian Menurut Siasah Syar'iiyyah*. Jurnal Pengajian Umum Bil. 2. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Raihanah Abdullah. 2003. *Muslim Women in Malaysia. Women In Malaysia: Breaking Boundaries*. Editor: Azizah Hamzah & Roziah Omar. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif* in Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- MacIntosh J. 1981. *Focus groups in distance nursing education*. Journal of Advanced Nursing 18: 1981-85.
- Goss J.D., Leinbach T.R. 1996. *Focus groups as alternative research practice*. Area 28 (2): 115-23.
- Kitzinger J. 1995. *Introducing focus groups*. British Medical Journal 311: 299-302.

### Enakmen

Enakmen 1 Tahun 2003, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Bahagian III - Pelantikan Mufti, Kuasa Dalam Hal Ehwal Agama, Jawatankuasa Fatwa Dan Fatwa Yang Berhubungan Dengan Kepentingan Nasional. Seksyen 44. Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti.

### **Temubual**

Sahibus Samahah Dato' Setia Hj. Mohd Tamyas bin Abd Wahid, Mufti Negeri Selangor.  
7 April 2016.

Tuan Nor Azamir bin Alias, Timbalan Mufti Negeri Sembilan. 7 April 2016.

Tuan Che Mat bin Che Deraman, Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan. 7 April 2016.

Tuan Mohd Ali bin Zainal, Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Fatwa dan Buhuth Jabatan Mufti Melaka. 7 April 2016.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*